



LEGITIMASI KEDAULATAN WATAN

Kedaulatan adalah satu istilah yang sering kita dengar dan diperbahaskan oleh pelbagai pihak. Namun begitu, apabila ditanya apakah maksud ‘kedaulatan’, jawapan yang diberi menunjukkan ramai pembahas sekadar melontarkan pandangan berasaskan pada persepsi. Persepsi yang dimaksudkan di sini adalah buah fikiran bersumberkan tanggapan, bayangan atau sentimen tanpa merujuk kepada mana-mana bahan ilmiah. Perbahasan melalui persepsi bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat awam bahkan para sarjana berbidang ilmu di luar undang-undang dan sains politik. Dalam kalangan sarjana undang-undang dan sains politik pula, istilah ‘kedaulatan’ secara amnya dihuraikan menurut sudut pandang barat semata-mata. Pentafsiran istilah kedaulatan sedemikian bukan sahaja dengan mudah membuka ruang kekhilafan, bahkan satu pengabaian bahawa di sana terdapat dua buah pemikiran atau kerangka yang mentakrifkan kedaulatan dari sudut epistemologi.

Sesungguhnya, amat penting istilah kedaulatan itu difahami dari sudut dua buah bingkai pemikiran yang ada pada hari ini, iaitu kerangka Kontinum (*continuum*) dan kerangka Dikotomi (*dichotomy*). Setelah kedua-dua kerangka di atas difahami dengan betul, baharulah analisis dari sudut sejarah undang-undang Negara dapat membantu untuk menentukan prinsip kedaulatan watan tanah air. Dalam lain perkataan, pentafsiran

prinsip kedaulatan Malaysia perlu dibuat berdasarkan jurisprudens. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan kedaulatan watan di Tanah Melayu yang mendasari prinsip kedaulatan Raja-raja Melayu di Malaysia pada hari ini. Penilaian kedaulatan dan prinsipnya berasaskan jurisprudens adalah pendekatan terbaik kerana kaedah tersebut juga diterima pakai oleh prinsip undang-undang Barat. Melalui kerangka tersebut natijah daripada makalah ini bukan sahaja bersifat pemikiran bahkan satu pandangan undang-undang yang sah dan berwibawa.

KEDAULATAN

Kedaulatan menurut Black's Law Dictionary (1990) adalah kuasa tertinggi, mutlak dan tidak terkawal yang mentadbir sebuah negara merdeka; kuasa politik tertinggi; kehendak agung; kawalan penting perlembagaan, kerangka kerajaan dan pentadbiran; sumber pendiri kuasa politik, semua kuasa politik diperolehi daripadanya; kebebasan antarabangsa sebuah negara, digabungkan dengan hak dan kuasa mengawal selia urusan dalamannya tanpa telunjuk asing; juga sebuah politik masyarakat, dan negara yang berdaulat dan bebas. Kuasa untuk melakukan segala-galanya dalam semua keadaan tanpa akauntabiliti - untuk membuat undang-undang, melaksana dan memakainya, untuk mengena dan mengutip cukai dan sumbangan levi, untuk mengistiharkan peperangan atau keamanan, untuk membentuk perjanjian perikatan atau perdagangan dengan negara-negara asing dan seumpamanya. Berdasarkan kenyataan di atas, kedaulatan itu mengandungi tiga ciri utama:

- a. Kuasa pemerintahan agung, mutlak dan tidak terkawal lagi bebas, daripadanya punca segala kuasa politik (pemerintahan), pengawal agung kepada perlembagaan dan kerangka kerajaan.
- b. Kuasa itu menjadikan sesebuah negeri itu bebas merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama-sama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing.
- c. Kuasa itu membolehkan sebuah kerajaan atau negeri itu untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang, untuk mengena dan mengutip cukai dan hasil, untuk berperang atau berdamai, untuk mengikat perjanjian persahabatan atau perdagangan dengan bangsa-bangsa asing dan seumpamanya.